

AHLI SUNAH WAL JAMAAH DI NEGERI PERAK

Selalu ditanya oleh umat Islam di negeri yang mulia ini, Perak; siapakah Ahli Sunah Wal Jamaah? Soalan ini selalu ditanya kerana melihat Sabda baginda Nabi Muhammad SAW: “Umatku akan berpecah belah sebanyak tujuh puluh tiga golongan, semuanya berada dalam api neraka (sesat), kecuali satu. Lalu para sahabat bertanya kepada baginda:

Siapakah mereka Ya Rasulullah? Maka jawab baginda: Siapa yang berpegang dengan aku dan sahabat-sahabatku”

[Hadis riwayat al-Tirmidhi]

Dari hadis ini, dapat difahami bahawa satu golongan yang tidak masuk ke api neraka itu ialah golongan yang selamat. Mereka juga digelar sebagai *Firqah Najiyah*. Golongan inilah yang dimaksud dengan Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ). Oleh itu, banyak ulama telah menjelaskan siapakah Ahli Sunah Wal Jamaah. Misalnya, Imam Muhammad al-Ramli (w. 1004H) berkata: “*Ahli bidaah adalah orang yang menyalahi apa yang menjadi dasar pegangan Ahli Sunah dalam akidah; iaitu apa yang menjadi dasar pegangan Nabi Muhammad saw, para sahabatnya dan generasi setelahnya. Manakala yang dimaksudkan dengan Ahli Sunah di masa-masa terakhir ini adalah kedua-dua Imam; Abu al-Hasan al-Ash`ari (324H) dan Abu Mansur al-Maturidi (333H) dan para pengikut kedua-dua imam tersebut”*

[Nihayah al-Muhtaj: 8/305]

Dijelaskan juga oleh Syeikh al-Murtada al-Zabidi (w.1205H): “*Jika disebut lafaz “Ahli Sunah Wal Jamaah” maka yang dimaksud adalah Asha`irah dan Maturidiyyah”* [Ittihaf al-Sadah al-Muttaqin: 2/6]. Sedangkan Universiti al-Azhar al-Sharif, menara ilmu Islam di dunia hari ini, juga menjadikan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai tiang akidah. Syeikh

al-Azhar Ahmad al-Tayyib menegaskan perkara ini di dalam risalahnya berjudul: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Di peringkat Negeri Perak pula, selain merujuk kepada seluruh kitab-kitab Jawi Melayu lama, Syeikh al-Islam di Malaya yang juga merupakan mudir di Madrasah Idrisiyyah di Kuala Kangsar; Syeikh Abdullah Fahim (w.1961M) telah menegaskan di dalam wasiat beliau sebagai berikut:

“Tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu Se-Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, awam-awam, kadi-kadi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian mereka itu bermazhab dengan Mazhab al-Imam al-Shafi’i ijma’an, tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada Mazhab Shafi’i (yahrumu kharqu al-ijma’). Ambil mereka itu hukum-hukum Fiqh Shafi’i daripada kitab Tuhfah dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasaratnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabil al-Muhtadin, Bughyat al-Tullab dan Matla’ al-Badrayn dan lainnya. Usul al-Din atas perjalanan Abi al-Hasan al-Ash’ari, diambilkkan daripada shuryh dan hawashi Umm al-Barahin dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. Ilmu Tasawwuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambilkkan daripada Minhaj al-‘Abidin, Ihya’ ‘Ulum al-Din dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyar al-Salikin. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemuanya mustanbat daripada Qur’an dan Hadis yang dihalusi dan ditapis oleh Ulama Ajilla’, diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun”

[Majalah Pengasuh no 428, thn. 1977M]

Sedangkan Ahli Sunah Wal Jamaah dalam konteks Fatwa di Negeri Perak hari ini, terdapat beberapa fatwa yang menzahirkan ciri-ciri ASWJ di Negeri Perak. Misalnya, ketika di dalam pemerintahan Almarhum Sultan Azlan Shah telah diwartakan sebuah fatwa berjudul:

“Fatwa Mengenai Pencegahan Menyebarkan Aliran dan Dakyah Wahabiah di Negeri Perak Darul Ridzuan” pada 1 Mac 2012 dengan jelas menolak Aliran Wahabiah kerana gerakan ini dengan jelas “menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20” yang sememangnya merupakan pengajian akidah di sisi Ahli Sunah Wal Jamaah al-Ash’ariyyah. Lebih jelas lagi, dalam fatwa tersebut jelas menolak Wahabiah kerana mereka: “mendakwa bahawa pengikut Aliran Asya’irah dan Maturidiyah tidak layak digelar sebagai Ahli Sunah Wal Jamaah”. Bahkan, dalam fatwa berkenaan juga menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menetapkan Aliran Asha’irah dan Maturidiyah adalah Ahli Sunah Wal Jamaah.

Melihat pada kenyataan ini, setidaknya Asha`irah dan Maturidiyyah masih ditetapkan sebagai ASWJ bagi Negeri Perak Darul Ridzuan. Maka segala akidah yang bercanggah dengan Asha`irah dan Maturidiyyah dengan percanggahan yang tidak dapat ditoleransi seperti akidah Syiah yang mengkafirkan para sahabat RA adalah tertolak. Kelompok Muktazilah yang mengatakan al-Quran itu makhluk juga tertolak. Puak Mujassimah yang mengatakan Allah SWT beranggota seperti tangan, kaki dan berjirim juga terkeluar dari tafsiran ASWJ.

Oleh itu, kita dapat melihat dalam sejarah persuratan ulama Perak, tidak lekang dari karya-karya ulama Asha`irah dan Maturidiyyah. Misalnya, Almarhum Sultan Iskandar Shah di dalam risalahnya berjudul '*Risalah Iskandar Shah*' yang jelas meletakkan bahagian awal iaitu bahagian Akidah yang berpaksikan kepada kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi (w. 895H) yang merupakan rujukan utama pengajian akidah mengikut pendekatan Sifat 20.

Berkaitan ini, ketegasan Almarhum Sultan Iskandar Shah berpegang kepada Asha`irah sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah terzahir di dalam kalam baginda:

“Bermula hakikat Kalam itu iaitu satu sifat yang berdiri dengan Zat, tiada berhurūf dan tiada bersuara rencana dengan beberapa rencana yang bersalah-salahan”


[Risalah Iskandariyyah: 27]

Titah ini adalah senada dengan ketegasan Ahli Sunah Wal Jamaah menentang dakyah Wahabi kerana Wahabi berpandangan bahawa “Kalam Allah” ialah *qadim* akan tetapi bersuara dan berharuf. Ini disebabkan pihak Wahabi mewarisi akidah yang dibawa oleh golongan *Hashawiyyah Hanabilah* pada zaman dahulu. Salah seorang tokoh mereka; al-Imam al-Sijziyyi (w. 444H) yang mengarang kitab khusus untuk menyesatkan Asha`irah termasuk al-Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari sendiri sebagai pelopor al-Ash`ariyyah. Kitab tersebut dikenal sebagai: “*al-Radd ala Man Ankara al-Harfa wa al-Shawt*” yang bermaksud: “Penolakan terhadap orang yang mengingkari huruf dan suara (bagi kalam Allah)”. Risalah ini diterbitkan kembali di Riyad, Saudi Arabia pada tahun 1994M.

Perkembangan selanjutnya pula, adalah sebuah kitab yang sangat penting di Perak Darul Ridzuan, iaitu kitab *Masa'il al-Tawhid* yang dikarang oleh Tuan Guru Haji Muhammad Samman Kati (w. 1995M) ialah merupakan kitab akidah yang sangat terperinci yang juga mengikut neraca al-Ash'ariyyah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tuan Guru Haji Samman Kati bukan sahaja seorang ulama Perak yang tersohor, beliau juga telah dilantik menjadi guru agama di Istana Iskandariah oleh Sultan Idris Iskandar Shah. Dilantik sebagai AJK Fatwa pada tahun 1970 sehingga wafat. Menjadi Ahli Dewan Negara Perak dari tahun 1978 sehingga 1980 dan pada 1986 dilantik menjadi Orang Besar 16 bergelar Toh Paduka Indera sebagai penasihat Sultan Perak mengenai Agama Islam.

Kitab ini ialah kitab yang membahas isu-isu akidah dengan menggunakan *uslub* soal jawab untuk memudahkan orang awam memahaminya. Secara manhaj, ia mengikuti manhaj Imam al-Sanusi seperti mana di dalam kitab *Umm al-Barahin*. Kitab ini dicetak pada tahun 1953 dan dicetak ulang bersama dengan perumian oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2019. Kitab ini sepatutnya dijadikan sukatan pengajian ilmu akidah Ahli Sunah Wal Jamaah di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Maka sangat jelas kepada rakyat Negeri Perak bahawa Ahli Sunah Wal Jamaah di negeri ini sudah bertapak lama dan tertanam rapi di dalam hati rakyat jelata negeri ini. Oleh itu tidak sepatutnya ada mana-mana kelompok yang mempertikai al-Ash'ariyyah di negeri bertuah ini. Semoga kita kekal dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sehingga akhir hayat ini dengan *husnu al-khatimah*.



Risalah Iskandar Shah oleh Sultan Iskandar Shah Negeri Perak.

Disediakan oleh:

Dr. Ayman al-Akiti

Ketua Kluster Tasawwuf dan Anggota Hai'ah Ulama Perak JMNPk.

Pensyarah Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)